

KEPERLUAN AMALAN HISBAH DALAM PEMELIHARAAN KREDIBILITI PENSYARAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

THE REQUIREMENT OF HISBAH PRACTICE IN MAINTAINING THE CREDIBILITY OF LECTURERS IN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING

Muslihah Mazlan^{1*}
Siti Nur Afiqah Shafie²
Azrin Ibrahim³

^{1*} Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia

Emel: muslihah@kuim.edu.my

²Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia

³Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

Article history

Received date : 1-8-2021

Revised date : 2-8-2021

Accepted date : 22-9-2021

Published date : 24-9-2021

To cite this document:

Mazlan, M., Shafie, S. N., & Ibrahim, A. (2021).
Keperluan Amalan Hisbah Dalam Pemeliharaan
Kredibiliti Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 6(39), 211-220.

Abstrak: *Pensyarah merupakan elemen penting dalam menjayakan inspirasi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk mencapai misi dan visi dengan menumpukan peranannya sebagai penyumbang (input provider) sumber keilmuan serta menjadi model contoh yang terbaik. Bagi melaksanakan tanggungjawab kerja sebagai seorang khalifah elemen dorongan dalaman menjadi faktor utama. Amalan hisbah merupakan suatu amalan pengawasan dalaman yang berperanan sebagai al-amr bi ma'ruf wa al-nahi mungkar (menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran). Prinsip ini menjadi begitu penting sehingga boleh mempengaruhi proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian tinggi. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauhmana amalan hisbah berperanan dalam membentuk kredibiliti pensyarah muslim sebagai pendidik yang berperanan membimbing dan membentuk pelajarannya menjadi individu yang berguna di dunia dan akhirat. Penelitian terhadap tinjauan literature dengan menggunakan analisis kandungan. Hasil penelitian dalam merumuskan amalan hisbah terhadap kredibiliti pensyarah muslim di Institusi Pengajian Tinggi.*

Kata Kunci: *Hisbah, Kredibiliti Pensyarah, Institusi Pengajian Tinggi.*

Abstract: *Lecturers are an important element in the success of inspiring an institution of higher learning to achieve its mission and vision by focusing on its role as a contributor (input provider) of knowledge resources as well as being the best role model. In carrying out the responsibilities of work as a caliph the element of internal motivation becomes a major factor. The practice of hisbah is a practice of internal supervision that serves as al-amr bi*

ma'ruf wa al-nahi mungkar (calling towards goodness and preventing evil). This principle becomes so important that it can influence the learning and teaching process in institutions of higher learning. The main focus of this study is to identify the extent to which the practice of hisbah plays a role in shaping the credibility of Muslim lecturers as educators whose role is to guide and shape their students into useful individuals in this world and the hereafter. Research on literature review using content analysis. The results of research in formulating the practice of hisbah on the credibility of Muslim lecturers in Institutions of Higher Learning.

Keywords: Hisbah, Credibility of Lecturers, Institutions of Higher Learning.

Pengenalan

Pendidikan tertiar dalam konteks pendidikan kebangsaan adalah pendidikan selepas menengah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Pendidikan pada peringkat ini merangkumi program pendidikan di kolej komuniti, politeknik, institusi latihan yang dikendalikan oleh agensi kerajaan dan swasta, universiti awam dan swasta (Pendidikan, 2000). Tujuan kewujudan pendidikan ini adalah sebagai pemangkin utama dalam penjana sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan bagi memenuhi keperluan mencapai wawasan Negara (Usha Malni Maniam & Liong Choong Yeun, 2007). Pensyarah memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu sistem pelajaran dalam pendidikan tertiar ini. Hal ini disebabkan, pensyarah sebagai nadi kepada proses pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan modal insan yang terlatih dan mahir sejajar dengan keperluan negara dalam pelbagai bidang.

Menurut Othman Md Johan dan Syarina Azura Nong Chik (t.t), penambahan pengambilan penuntut pendidikan tinggi semenjak dua dekad yang lalu, turut memberi kesan terhadap kewujudan jawatan-jawatan akademik baru serta pengambilan pensyarah-pensyarah baru di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Pensyarah-pensyarah baru ini perlu mengendalikan kumpulan penuntut yang lebih ramai dan hampir semua bidang ilmu dan program pengajian. Tradisi perbincangan dalam kumpulan tutorial yang kecil yang pernah diamalkan di IPT pada tahun 1960-an telah digantikan dengan kaedah kuliah yang bercorak sehala kepada kumpulan penuntut yang lebih ramai. Oleh yang demikian, sebagai seorang pensyarah, kemahiran dan pengetahuan yang tinggi amat diperlukan bagi memastikan kredibiliti pensyarah dapat dicapai sejajar dengan matlamat pengajaran Negara iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia.

Pernyataan Masalah

Golongan profesional merupakan individu yang membuat polisi dan keputusan mewakili organisasi mereka bekerja. Justeru golongan ini seharusnya bekerja dengan penuh etika dalam perlakuan dan tindakan agar tidak menjejaskan pelbagai pihak. Kumpulan ini juga menjadi rujukan dan panduan kepada kumpulan pelaksana dan golongan pekerja bawahan. Menurut Amada (1994) dan Schneider (1998), berdasarkan kajian-kajian lepas melaporkan kewujudan kecenderungan peningkatan kes-kes salah laku pensyarah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

Antaranya laporan mengenai pensyarah yang tidak bersedia untuk mengajar atau membuat persediaan secara tidak serius turut dicatat (Amada, 1994; Amada & Smith, 2015; Schneider, 1998). Selain itu, pensyarah mengajar dengan memendekkan masa serta melewatkan kelas masih berlaku. Terdapat juga pensyarah yang memarahi dan memperli pelajar serta kerap berjanji namun gagal melaksanakan janji. Pensyarah menggunakan tugas atau bentuk penilaian bagi memastikan kehadiran ramai pelajar, meleteri pelajar yang ponteng atau gagal memberi respon semasa perbincangan serta menggunakan kata-kata yang berunsur ugutan (Bayer & Braxton, 1998). Tingkah laku pensyarah ini adalah tidak selari dengan saranan kod etika akademik yang diamalkan dalam negara ini. Amalan ini tidak selari ini juga boleh dikaitkan dengan amalan moral pensyarah tersebut dalam membuat keputusan berdasarkan situasi yang berlaku dan bagaimana nilai-nilai profesional yang seharusnya dilakukan oleh pensyarah (Bahagian Sumber Manusia, KPM, 2015).

Kelemahan para pensyarah dalam melaksanakan kualiti pengajaran dan pembelajaran akan meninggalkan impak yang berpanjangan kepada pelajar. Aspek kualiti berkait rapat dengan kerelavanan dan perkembangan diri pelajar menghadapi hidup sehariannya. Kedudukan *hisbah* sebagai satu konsep kawalan kualiti pengajaran dan pembelajaran pensyarah adalah sesuai pada masanya dan tempatnya. Hal ini disebabkan konsep *hisbah* sangat mengutamakan prinsip amanah dan tanggungjawab dalam setiap urusan (Adam Drahman & Suhaimi Ab. Rahman, 2019).

Konsep *hisbah* ini terdiri daripada tiga bentuk iaitu pengawasan diri sendiri, pengawasan masyarakat dan pengawasan pihak berkuasa atau kerajaan (Auni Abdullah, 2000; Ahmad Bashir Aziz, 2015). Institusi *hisbah* merupakan contoh pengawasan pihak berkuasa merupakan aspek penting dalam sistem pemerintahan dan urus tadbir Islam dan terbukti kejayaannya (Madzelah Muhsin, 2008). Sistem ini berkembang dalam masyarakat Islam untuk memelihara kepentingan umum dan aplikasi *hisbah* amat dituntut untuk menerajui mana-mana sistem pengurusan termasuklah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Dalam surah Ali 'Imran ayat 104 ini menjadi satu jaminan dalam mencapai kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Dan hendaklah di antara kamu ada golongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang ma'rif dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung

(Al-'Imran:104)

Oleh itu, *hisbah* adalah bentuk pengawasan yang dapat mengajak para pensyarah melakukan kebaikan dan menghindari daripada berlakunya kemungkar. Dalam konteks amalan kualiti pengajaran dan pembelajaran pula, *hisbah* mampu menggalakkan para pensyarah melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar di samping menjadikan integriti sebagai amalan yang sentiasa diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu keyakinan pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran akan dapat dipertingkatkan serta meningkatkan kualiti siswazah. Sehubungan itu, dalam konteks institusi pengajian kini beberapa isu telah timbul mengenai prestasi pelajar dalam pembelajaran, masalah moral dan perkaitannya dengan pengajaran seseorang pensyarah, Artikel ini dibuat bagi menyelidik adakah amalan *hisbah* boleh meningkatkan nilai kredibiliti seseorang pensyarah? Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat dalam memperkasakan nilai kredibiliti pensyarah di institusi pengajian tinggi.

Sorotan Literatur

Para pensyarah berperanan penting dalam pembangunan pendidikan di seluruh institusi pengajian tinggi. Banyak faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran seseorang pensyarah. Antaranya ialah keintelektualannya dari sudut epistemologi yang dimiliki, sifat, sikap, gaya persembahan pengajaran dan sebagainya. Kriteria-kriteria baik dan lengkap yang dimiliki oleh seseorang pensyarah akan memastikan pembelajaran menjadi lebih efisien dan efektif (Che Haslina et.al, 2009). Kredibiliti seseorang pensyarah akan mempengaruhi kecemerlangan para pelajarnya. Menurut Mohd Shakirurrahman (2005) menyatakan prestasi akademik pelajar mempunyai hubungan signifikan secara positif dengan gaya kepimpinan pensyarah. Lebih ramai pelajar yang cemerlang akan terhasil dari kecemerlangan seorang pensyarah (Toh, 2003).

Peranan pensyarah khususnya dalam pendidikan Islam sangat mencabar pada zaman globalisasi ini. Para pensyarah bertanggungjawab dalam membentuk para pelajar menjadi insan bertakwa dan berakhlak mulia. Bagi mencecah matlamat ini, aktiviti pengawasan atau pengawalan dan penilaian terhadap kredibiliti pensyarah perlu dilakukan. *Hisbah* merupakan salah satu mekanisme pengurusan yang memperlengkap fungsi pengawasan. Ia selaras dengan matlamatnya untuk menyahut seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Pengawasan yang dimainkan tidak hanya terbatas kepada institusi *hisbah*, bahkan ia memainkan peranan besar dalam memastikan setiap dimensi kehidupan manusia sentiasa terarah untuk melakukan kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran (Azrin Ibrahim, 2015). Amalan *hisbah* ini dapat menyedarkan manusia tentang tanggungjawab memelihara hak Allah SWT, hak manusia dan hak bersama iaitu antara Allah SWT dengan manusia.

Amalan *Hisbah*

Amalan *hisbah* merupakan suatu usaha menyedarkan mukmin untuk berakhlak melalui penghayatan keagamaan dan kerohanian yang kukuh dan selari dengan fitrah dan kehendak Islam. Ia ditegaskan oleh Ibn Khaldun (2002), beliau mentakrifkan *hisbah* sebagai tugas mengajak kepada perkara makruf dan mencegah daripada melakukan perkara mungkar. Amalan *hisbah* ini melibatkan enam komponen yang utama iaitu *musyaratah* (perjanjian hati), *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku), *Muhasabah* (perhitungan amalan), *muraqabah* (peneguhan rohani), *Mujahadah* (penentangan nafsu) dan *muatabah* (penegasan jiwa) (Sa'id Hawwa, 1998).

1. *Musyaratah* (Perjanjian Hati)

Musyaratah atau perjanjian hati bermaksud membuat pensyaratan melalui ikatan hati. Hati adalah pusat ingatan dan pemahaman (al-Razi, 2000). Hati mampu berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama yang dikategorikan sebagai perilaku kalbu (Hasnan, 2008; Rusdin, 2011). Perilaku kalbu berbeza mengikut niat dan motivasi yang dimiliki oleh seseorang dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran demi ketakwaan kepada Allah SWT (Hamka, 2003).

2. *Muraqabah* (Pemerhatian Tingkah Laku)

Muraqabah atau pemerhatian tingkah laku melibatkan aktiviti diri dengan menyedari bahawa segala tingkah laku di bawah pemerhatian kekuasaan Allah SWT (*Al-Waqiah: 63-64,68-69, Al-An'am:50*). *Muraqabah* bertujuan untuk memastikan segala tingkah laku manusia adalah bermatlamatkan kepada ketaatan kepada Allah SWT (*Al-Baqarah: 238,285, Al-Imran: 17,*

146, *Al-Maidah*: 7, *Al-Nisa*:69, *Al-Maidah*: 7). Oleh yang demikian, *muraqabah* dapat memastikan diri sentiasa mematuhi amar makruf dan meninggalkan kemungkaran yang telah ditentukan oleh Allah SWT (*Al-Baqarah*: 160, *Al-Nisa*:16, *Al-Maidah*:62,68,100, *Hud*: 122).

3. *Muhasabah* (Memperhitungkan Diri)

Muhasabah atau perhitungan amalan bermaksud membuat pertimbangan terhadap amalan yang dilakukan dalam urusan kehidupan dengan merenung kembali dan memperbaiki amalan demi kerana Allah SWT. *Muhasabah* juga dikenali *muhasabah* diri dalam mengenali diri sendiri dengan segala kekurangan yang dimiliki. Tujuannya untuk mengenal had diri hingga mencapai jiwa yang tenang. Jiwa yang tenang ialah jiwa yang memiliki keimanan dan ketenteraman dalam mengenal Allah SWT (Abu Umar Basyir, 2005; Ibn Sina, 2009; Zuridan, 2010).

4. *Mu'aqabah* (Peneguhan Rohani)

Mu'aqabah atau peneguhan rohani ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Antara amalan *mu'aqabah* adalah amalan :

- 4.1 Berdoa (*Al-Baqarah*: 126, *Al-Imran*:38, *Al-A'raf*: 151, *Al-Qisas*:24);
- 4.2 Membaca al-Quran (*Al-Baqarah*: 44, *Al-Imran*:78,113,133, *Yusuf*: 2,15);
- 4.3 Solat (*Al-Baqarah*:3, *Al-Maidah*:6, *Al-Nisa'*:102,103);
- 4.4 Puasa (*Al-Baqarah*:93,183, 184, 185, 187, 196, *Al-Nisa'*: 92, *Al-Maidah*:89,95);
- 4.5 Zikir (*Al-Sajadah*:15, *Al-Safaat*:143, *Al-Isra'*: 44) dan
- 4.6 Sedekah (*Al-Baqarah*: 263, 273, 268, *Al-Maidah*:12, *Al-Sajadah*:27).

5. *Mujahadah* (Penentangan Nafsu)

Mujahadah atau penentangan nafsu bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan kehendak hawa nafsu. Istilah *mujahadah* berasal daripada perkataan jihad iaitu berusaha dengan sepenuh kesungguhan, kekuatan dan kesanggupan pada jalan yang diyakini benar. Al-Ghazali (2004) menjelaskan bahawa *mujahadah* secara dasarnya melawan hawa nafsu dengan menundukkan hawa nafsu untuk mengikut kehendak Allah SWT dalam setiap perkara. *Mujahadah* dilakukan untuk mengawal kekuatan amarah dan syahwat (keinginan) dalam diri manusia yang mengumpulkan sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong manusia untuk melakukan amal kejahatan.

6. *Mu'atabah* (Pembersihan Jiwa)

Mu'atabah atau pembersihan jiwa melibatkan elemen *roh*, *qalb*, *aqal* dan *al-nafs* (Ansari,1992 & Abdul Salim, 2003) sebagai punca dalam membentuk niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan manusia. Oleh itu, tindakan *mu'atabah* dapat membuka hari manusia untuk menerima kebenaran dan hakikat ketuhanan dengan hidayah dan petunjuk Allah SWT (Ibn Sina, 2009; Mostafa, 2009). *Mu'atabah* juga adalah proses mendidik diri mencapai ke jiwa yang *mutma'inah* (*al-Baqarah*: 248, *al-Fajr*:27).

Konsep Kredibiliti Pensyarah

Tenaga pengajar yang berkelayakan dan memiliki personaliti cemerlang menjadi teras utama pengukuhan keprofesionalan staf akademik di pusat-pusat pengajian tinggi. Kredibiliti yang baik merupakan kriteria utama keunggulan personaliti pensyarah disamping mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik.

Pakar pendidikan Reynolds (1992) berpendapat bahawa seorang pendidik yang baru melangkah ke alam pengajaran perlulah mempunyai pengetahuan yang meluas di dalam bidangnya, mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengenali pelajarannya, dan mempunyai kemahiran yang kukuh dalam teknik mengajar. Sebagai pemudahcara pembelajaran pula, pensyarah seharusnya mempunyai kredibiliti yang mantap sebagai salah satu faktor penting kecemerlangan pensyarah. Kredibiliti dilihat dari empat dimensi utama iaitu 'boleh dipercayai', 'kompetensi', 'dinamik' dan 'perlakuan semasa' (Che Haslina Abdullah et, al., 2009) yang hampir menyamai konsep amanah, shiqah,

Boleh Dipercayai

Verderber dan Verderber (1995) menafsirkan 'boleh dipercayai' sebagai mewujudkan keyakinan pada diri orang lain. Elemen ini amat penting dalam menjalinkan hubungan yang baik dan sihat antara seseorang pensyarah dengan pelajarannya. Pensyarah mestilah bersikap terbuka dan bersedia mengakui kelemahannya kerana melalui sikap begini dapat mencerminkan kejujuran dan keikhlasannya. Hasilnya akan mewujudkan rasa yakin pelajar terhadap seseorang pensyarah tersebut. Untuk meningkatkan kepercayaan pelajar kepada pensyarah, Haskins dan Staudache (1987) mencadangkan semua maklumat yang disampaikan kepada para pelajar mestilah dengan penuh keikhlasan dan kejujuran. Di samping itu, pensyarah juga mesti menerangkan analisis, perbincangan dan bukti-bukti yang kukuh untuk memperkuatkan nilai kepercayaan pelajar terhadapnya.

Senario ini akan membangkitkan lebih kepercayaan pelajar kepada pensyarah tersebut. Knight (2002), merumuskan antara ciri-ciri yang melambangkan kebolehpercayaan seseorang pensyarah itu ialah mengotakan janji, memberikan maklumbalas dengan segera kepada pelajar, memberi penerangan yang rasional terhadap pembahagian markah, bersikap adil dan saksama terhadap semua pelajar dan bersifat fleksibel.

Allah SWT menghendaki daripada orang-orang mukmin agar sentiasa bersikap amanah dalam setiap gerak kerja kehidupan termasuklah dalam urusan menyampaikan ilmu pengetahuan. Justeru konsep amanah yang diketengahkan oleh Islam perlu dipraktik dalam kehidupan secara makro.

Antara kriteria amanah yang dituntut oleh Islam supaya pensyarah menjadikan perisai peribadi ialah berkata benar. Firman Allah SWT dalam surah As-Syu'ura ayat 107,125,143,162,178,193) menampilkan contoh teladan para rasul yang bersifat *al-Amin*.

*Sesungguhnya aku adalah seorang rasul kepercayaan (yang diutus) kepadamu.
(As-Syu'ara:107)*

Kompetensi

Dimensi kedua yang berkait rapat dengan kredibiliti pensyarah ialah kompetensi. Menurut Haskins dan College (2000), kompetensi bukan sahaja melibatkan ilmu pengetahuan tetapi juga persepsi masyarakat umum mengenai tahap ilmu yang dimiliki, kebolehan untuk menguasai ilmu tersebut serta keupayaan untuk menyampaikan ilmu secara berkesan oleh seseorang pensyarah. Penguasaan ilmu yang tinggi dan penyampaian maklumat secara efisien daripada seseorang pensyarah boleh meningkatkan lagi persepsi pelajar terhadap kompetensi pensyarahnya. Kesan daripada tanggapan positif pelajar kepada pensyarah boleh mewujudkan situasi pembelajaran yang kondusif kerana ia menggalakkan penglibatan dan minat mendalam

pelajar terhadap sesuatu pelajaran. Menurut Kearney dan Plax (1999), pensyarah juga mesti menyampaikan mesej yang bebas dari segala kesalahan iaitu dari sudut nahu (sebutan dan pertuturan) di samping mengekalkan 'eye-contact' dengan pelajar. Dalam hal ini Brydon dan Scott (2000), mencadangkan agar pensyarah seharusnya membuat persediaan yang sempurna dan menyeluruh untuk ke kuliah dan menguasai topik pengajaran dengan baik dengan mengambil kira isu-isu utama, sumber-sumber yang relevan, bukti yang kukuh, bidasan-bidasan yang logik dan perbezaan pandangan mengenai topik yang dibincangkan. Pandangan ini sekali gus telah disokong sepenuhnya oleh Haskins dan College (2000).

Tsiqah dari segi penyampai maklumat meliputi lima dimensi iaitu boleh dipercayai, jujur, dihormati, wibawa, dan sumber rujukan. Pensyarah yang sentiasa menjaga perlakuan tutur kata dan sebagainya. Perlakuan dan tutur kata ini mestilah sejajar dengan tuntutan agama. Pensyarah mesti mengamalkan tuntutan-tuntutan dalam Islam sebagai satu jalan untuk mewujudkan pertalian kukuh dengan Allah SWT. Pertalian yang kukuh ini akan memberikan kekuatan dan kerahmatan serta keredhaan daripada Allah SWT. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar

(Al-Ahzab:35)

Dinamisme

Dinamisme merupakan faktor ketiga yang mempengaruhi kredibiliti seseorang pensyarah yang cemerlang. Larson (1992), menghuraikan dinamik sebagai 'meletakkan satu tahap di kalangan pendengar rasa kagum terhadap keperibadian yang menarik, cergas dan bertenaga yang dimiliki oleh penceramah'. Ianya berkait rapat dengan 'karisma' seseorang. Pensyarah yang dinamik dapat menguasai suasana pembelajaran dan berjaya menyampaikan syarahannya dengan penuh bersemangat. Begitu juga dengan pengendalian bilik kuliah, pensyarah mesti mampu menguasai persekitarannya dengan berupaya memberi 'tenaga' kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif dan sekaligus akan merangsang proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa perkara telah dikenal pasti mampu membantu meningkatkan dinamisme melalui komunikasi yang berkesan. Hostman (1989), berpendapat pensyarah seharusnya menggunakan gaya bercakap yang bersemangat dengan mengaplikasikan nada suara yang berbeza-beza agar tidak membosankan pelajar keseluruhannya. Redmond (2000), pula menambah bahawa mempelbagaikan pergerakan badan seperti pergerakan tangan, mimik wajah, 'eye-contact' dan sebagainya serta

mengelakkan dari menggunakan nada suara yang mendarat dan membosankan dapat mengatasi masalah rasa jemu pelajar terhadap pensyarahnya.

Tidak dapat dinafikan lagi kaedah yang baik merupakan satu elemen yang paling ampuh dalam keberkesanan penyampaian ilmu. Dalam hal ini kemampuan pensyarah mengkaji kumpulan sasaran amatlah penting kerana melaluinya satu rumusan dan pendekatan yang bermakna serta berkesan akan terbina.

Tidak semua orang yang didakwah memiliki latar belakang pendidikan yang sama dan datang daripada binaan keluarga yang baik (Sidek Baba, 2012). Hakikat ini melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka dan katakanlah (kepada mereka): Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu dan kepadaNya, kami patuh dengan berserah diri

(Al- Ankabut: 46).

Perlakuan Semasa

Dimensi ini berkait rapat dengan perbuatan atau tingkah laku pensyarah semasa proses pembelajaran sedang berlangsung. Haskins dan College (2000), menekankan perlakuan semasa dapat mempengaruhi pelajar menerima mata pelajaran yang sedang diajar sama ada secara mudah atau sukar. Pensyarah yang mempunyai perlakuan semasa yang baik tidak akan membiarkan 'halangan' wujud antara beliau dan pelajarannya. Contohnya, pensyarah yang berdiri di belakang podium/rostrum telah melakukan perlakuan semasa yang negatif, ia mewujudkan 'halangan' antara dirinya dan para pelajar. Termasuk dalam perlakuan semasa yang positif juga ialah ekspresi vokal yang memuaskan, senyuman dan mempunyai posisi badan yang relaks dan bersahaja ketika proses pengajaran berjalan (Richmond, Gorham & McCrosky, 1987). Menurut Richmond dan McCrosky (1992) lagi, di antara faktor yang boleh membantu meningkatkan perlakuan semasa yang baik ialah menjalinkan hubungan mata (*eye-contact*) dengan semua audien, menyampaikan syarahan dalam posisi bersahaja sama ada sambil berdiri atau duduk di hadapan kelas serta menggalakkan ekspresi verbal untuk menarik perhatian pelajar. Pandangan ini turut disokong oleh kejayaan seseorang pelajar bukan hanya terletak di bahu para pensyarahnya sahaja tetapi juga melibatkan tenaga dan usaha yang pelajar.

Salah satu sifat Rasulullah SAW ialah *fatamah* atau bijaksana. Dalam dakwah, pendekatan bijaksana amat dituntut. Dalam konteks penyampai bijaksana, ia merangkumi kefahaman, pemikiran serta tahap pengetahuan pensyarah. Allah SWT telah mengilhamkan kepada manusia keseluruhannya perkara yang baik dan perkara yang buruk. Justeru pensyarah yang bijak mampu menilai baik buruk berdasarkan panduan Illahi. Firman Allah Taala:


Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang

*menjadikan dirinya yang sedia bersih -itu susut dan terbenam kebersihannya
 (dengan sebab kekotoran maksiat)*

(al-Syam: 7-10)

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka teori kajian ini terdiri daripada pembolehubah tidak bersandar yang mana merangkumi amalan *hisbah*. Manakala pembolehubah bersandar terdiri daripada kredibiliti kerja. Justeru, hipotesis kajian ini ialah amalan *hisbah* dalam kalangan pensyarah di institusi pengajian tinggi akan mempengaruhi kredibiliti kerja. Sila rujuk Rajah 1 untuk kerangka teori kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

Kesimpulan

Pensyarah adalah tunjung kepada sistem pendidikan tertuari Negara yang berperanan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan menjadi teras dalam menentukan standard, mutu dan keberkesanan sistem pendidikan. Amalan *hisbah* merupakan amalan yang dapat menyumbang kepada kesedaran dan penghayatan agama dalam diri pensyarah dalam melaksanakan proses pengajaran bagi mencapai matlamat melahirkan modal insan yang berkualiti. Justeru peranan dan gaya amalan pengajaran pensyarah di institusi pengajian tinggi seharusnya melalui transformasi bukan hanya sekadar penyampai ilmu kepada pelajar bahkan bertanggungjawab mencorakkan masa depan bangsa berkualiti. Oleh yang demikian pensyarah di insitusi pengajian tinggi seharusnya mempunyai nilai kredibiliti yang tinggi bagi menghasilkan amalan pengajaran yang berkesan bagi mencapai matlamat pendidikan,

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil daripada Geran Penyelidikan Insentif (GPI) yang dianugerahkan oleh Research management Centre (RMC) Kolej Universiti Islam Melaka

Rujukan

- Abu Umar Basyir. (2005). *Suci hati*. Muhammad Albani (Pnyt). Indonesia: AL-Qowam.
- Ansari, Zafar Afaq (Eds.). 1992). *Qur'anic concepts of human psyche*. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Razi, Muhammad Ibnu Umar. (2000). *Ruh dan jiwa: Tinjauan filosofis dalam perspektif Islam*. H.Moctar Zoerni & Joko S. Kahhar. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.
- Auni Abdullah. (2000). *Hisbah dalam pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur : IKDAS SDN BHD.
- Amada, G., & Smith, M.C. (2015). *Coping with Misconduct in the College Classroom: A Practical Model*: Biographical Publishing Company
- Azrin Ibrahim. (2015). Kepentingan hisbah dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil 11 2015 (Edisi Khas)*.
- Basya, Hassan. (1966). *Al-Funun al-Islamiyyat wa al-Waza'if 'ala al-'Athar al-'Arabiyyat*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Bahagian Sumber Manusia KPM (2015).
- Braxton, J.M, & Bayer, A E. (2003). *Faculty Misconduct In Collegiate Teaching*. Baltimore, MN, USA: The John Hopkins University Press.
- Brydon, S. R., & Scott, M.D. (2000). *Between one and many: The art and science of Public speaking* (3rd ed.). Mountain View, CA: Mayfiled Publishing Co.
- Che Haslina, Zulkefli Mohamad, Siti Khalijah Majid & Saharani Abdul Rashid. (2009). *Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian*. Esteem Academic Journal Vol. 5, No 2, 183-199
- Hamka. (2003). *Lembaga budi: Perhiasan insan cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hasnan Kasan. (2008). *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Haskin, W. A., & Staudacher, J. M (1987), *Successful Public speaking : A practical guide*. Clenview, IL: Scott. Foresman and Co.
- Hostman, L. (1989). *The evaluative consequences of hedges, hesitations, and intensifiers: Powerful and Powerful and powerless speech Style*. Human communication Research, 15
- Larson, C. U. (1992). *Persuasion: Reception and responsibility* (6th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing Co.
- Mardzelah Makhsin, (2008). *Hisbah Sistem Pengawasan Dan Etika Pengurusan Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Ibn Sina. (2009). *Psikologi Ibn Sina*. M.S. Nasrulloh. Tej. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Redmond, M.V. (2000). *Communication : Theories and application*. Boston, Ma: Moughton Mifflin Co.
- Said Hawwa. (1998). *Mensucikan Jiwa; Intisari Ihya 'Ulumuddin al-Ghazali*: Robbani Press, Jakarta.
- Zuridan Mohd Daud. (2010). *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Must read Sdn. Bhd.